

20/01/2005

RINGGIT-TAMBATAN

KAJIAN SEMULA TAMBATAN AKAN TIMBANG PRESTASI KESELURUHAN RINGGIT, KATA ZETI

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Sebarang kajian semula tambatan ringgit berbanding dolar AS akan mengambil kira prestasinya berbanding sekumpulan matawang dan bukan mana-mana satu matawang, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata hari ini.

Beliau mengulangi kenyataannya bahawa Malaysia tidak akan menimbang prestasi ringgit berbanding cuma satu matawang apabila melihat kemungkinan kajian semula tambatan ringgit itu.

"Kita tidak melihat cuma satu matawang. Kita melihat banyak matawang dan kestabilan kadar tukaran wang kita berbanding rakan-rakan kongsi dagangan utama kita," beliau berkata selepas pelancaran Biro Perantaraan Kewangan di sini hari ini.

"Itu adalah matlamat teratas dasar kadar tukaran wang asing kita," katanya apabila diminta oleh pemberita mengulas mengenai seruan supaya dibuat kajian semula oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Zeti berkata pihak berkuasa akan melihat perkembangan, dan jika terdapat perubahan struktur asas yang berlaku atau jika terdapat potensi ketidaklarasan matawang, pihak berkuasa akan mengkaji semula kedudukannya.

Ringgit ditambat pada RM3.80 berbanding dolar AS sejak 1 Sept, 1998.

Tun Dr Mahathir dipetik semalam sebagai berkata tambatan itu patut dikaji semula kerana dolar AS yang lemah telah menyebabkan ringgit susut nilai berbanding matawang-matawang utama.

Bekas perdana menteri itu mengenakan kawalan modal berpilih-pilih dan tambatan ringgit berbanding dolar AS pada 1998 semasa kemuncak krisis kewangan Asia.

Spekulasi mengenai kemungkinan kajian semula tambatan ringgit begitu kuat sejak akhir bulan lepas.

Ini menyebabkan aliran masuk dana-dana asing ke negara ini, pembelian aset disokong ringgit seperti bon dan shaam memandangkan para pelabur asing berharap membuat keuntungan daripada penilaian semula ringgit berbanding dolar AS yang menjadi spekulasi meluas. -- BERNAMA

MSL KTC OS